

MAKANAN DAN REZEKI HALAL: IKUTLAH SYARIAT ISLAM

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

(Surah Al-Baqarah, ayat 172)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهِدَاهِمُ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ.

JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan taqwa yang sebenar-benar. Taqwa dalam erti kata taat dan patuh melaksanakan perintah Allah SWT serta meninggalkan segala yang dilarang-Nya.

Sesungguhnya orang yang bertaqwa itu sangat tinggi darjatnya di sisi Allah SWT. Umat yang bertaqwa itu adalah sebaik-baik umat. Hamba yang bertaqwa adalah semulia-mulia hamba, sentiasa mendapat perlindungan Allah SWT serta dipermudahkan segala urusan. Firman Allah SWT di dalam Al Quran:

...وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا مِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ﴿٤﴾

Maksudnya: "...Dan (ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya". (Surah At-Talaaq, ayat 4)

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Ajaran dan Syariat Islam adalah panduan dan ikutan yang tepat, betul dan terbaik dalam segala hal dan perkara berkaitan kehidupan manusia, termasuk berkaitan makan minum dan urusan mencari sumber rezeki.

Sehubungan itu, khatib ingin mengajak bersama-sama para Jemaah untuk merenung, menghayati dan mengamalkan setiap ajaran dan Syariat Islam di dalam Al Quran dan Sunnah Rasulullah SAW tentang perkara-perkara berkaitan makan minum dan sumber rezeki seperti berikut:

Pertama: Makanlah yang halal lagi baik.

Islam menyuruh umatnya makan minum yang halal lagi baik, sebagaimana firman Allah SWT:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ



Maksudnya: *“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”*. (Surah Al-Baqarah, ayat 168)

Ayat ini, mengingatkan dan menyuruh umat manusia supaya makan yang halal lagi baik, berkhasiat dan berkualiti. Senangnya umat Islam di Negara ini untuk pilih makan, minum, bahan gunaan lain, juga premis restoran, kilang, hotel dan sebagainya yang halal melalui tanda logo halal yang diiktiraf oleh kerajaan.

Maka, umat Islam jangan mengambil mudah tentang perkara halal haram dalam kehidupan kita, terutama makan minum, pakaian, bahan gunaan harian dan memilih restoran untuk berjamu selera bersama anak isteri, keluarga, kawan dan sahabat. Kerana Rasulullah SAW mengingatkan dalam sabdanya yang bermaksud: *“Setiap daging yang tumbuh daripada (makanan) yang haram, maka api neraka lebih utama baginya (membakarnya)”*. (HR At-Thabrani)

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Umat Islam jangan terkeliru oleh iklan, promosi dan kempen para usahawan yang sekadar ingin meraih untung perniagaan yang bermatlamat mencari laba untung duniawi sehingga melupakan halal haram sesuatu produk yang dipasarkan kepada pengguna atau pelanggan.

Baru-baru ini tersebar melalui laman sosial bahawa ada peniaga bukan muslim bukan warganegara mengenakan pakaian seperti seorang Islam, iaitu memakai tudung dan menutup aurat telah menjual nasi rendang babi, telah mengelirukan serta menipu pembeli kalangan umat Islam.

Oleh itu, umat Islam dianjurkan supaya memastikan makan minum yang hendak dibeli dan diberikan kepada anak isteri/suami dan ahli keluarga itu benar-benar halal.

Islam telah menunjukkan cara dan jalan terbaik kepada umatnya, agar tidak mudah tertipu, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Seorang mukmin tidak akan jatuh ke dalam satu lubang dua kali”*. (HR Imam Al-Bukhari dan Muslim)

Hadith ini menjelaskan supaya umat Islam yang beriman sentiasa berwaspada dan berjaga agar tidak tertipu dan terpedaya dalam perkara yang sama dan serupa.

Sebagai contoh Iklan, simbol dan slogan yang digunakan oleh para peniaga, usahawan dan premis seperti ‘serve no pork’, makanan halal, ditanggung halal, menggunakan pekerja muslim, wanita muslim yang bertudung yang menjadi pekerja di restoran bukan muslim bukan jaminan ia halal.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH TA’ALA,

Kedua: Mencari yang halal adalah fardu/wajib.

Jangan ambil harta secara salah, sebagai sumber rezeki dan kehidupan anak isteri dan keluarga, sebagaimana firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْءُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ
بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Dan janganlah kamu makan (mengambil) harta-harta (orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, pada hal kamu mengetahui (salahnya)”. (Surah Al-Baqarah, ayat 188)

Ayat ini, melarang umat Islam mengambil harta orang lain secara salah dan jangan mengamal rasuah. Sebab perbuatan sedemikian suatu dosa. Oleh itu, umat Islam hendaklah menjauhi amalan rasuah, kerana orang yang melakukannya termasuk orang yang dilaknat oleh Allah SWT, sebagaimana sabda Nabi SAW yang bermaksud: “Allah melaknat pemberi rasuah dan penerima rasuah serta orang yang menjadi orang perantaraan”. (HR Imam Ahmad)

Ingatlah, sesungguhnya Islam adalah agama yang sangat menitik beratkan perkara halal pencarian rezeki, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Mencari yang halal itu adalah fardu/wajib ke atas setiap orang Islam”. (HR Ibnu Abdil-Barr)

Ketiga: Berniaga untuk memperolehi kekayaan secara halal.

Islam anjurkan perniagaan, yakni menghalalkan perniagaan dan mengharamkan riba, pilihlah perniagaan sesungguhnya inilah jalan terbaik, lebih berkat dan selamat dunia akhirat, firman Allah SWT:

...ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا...

Maksudnya: “...Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: ‘Bahawa sesungguhnya berjual beli (berniaga) itu sama saja seperti riba’. Pada hal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba...”. (Surah Al-Baqarah, ayat 275)

Kelebihan berniaga, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Sembilan persepuluh sumber rezeki (boleh diperolehi) melalui perniagaan”. (HR Imam At-Tirmizi)

Mulianya peniaga yang jujur, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Peniaga-peniaga yang jujur dan amanah (akan ditempatkan) bersama dengan para Nabi, siddiqin dan para syuhada”. (HR Imam At-Tirmizi)
Perlunya harta untuk tegakkan agama dan urusan hidup, sebagaimana Sabda Nabi SAW yang bermaksud: “Apabila pada akhir zaman nanti umat manusia tak dapat tidak mesti menyediakan harta untuk menegakkan urusan agama dan urusan dunianya”. (HR At-Thabrani)

Ingatlah, halal haram itu bukan terbatas pada perkara makan minum semata-mata. Tetapi halal haram juga termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan sumber rezeki dan pencarian yang berupa wang ringgit, gaji/upah dan sebagainya.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Keempat: Tinggalkan riba sebagai sumber pencarian dan rezeki.

Riba adalah perkara yang dilarang di dalam Islam, ia juga berkaitan sumber rezeki dan akan dimakan oleh kita dan anak isteri serta keluarga, firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang beriman”. (Surah Al-Baqarah, ayat 278)

Keadaan golongan yang suka memakan riba seperti orang yang dirasuk syaitan, firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ...

Maksudnya: “Orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhoyong-hayang kerana sentuhan (syaitan) itu...”. (Surah Al-Baqarah, ayat 275)

Ketahuilah, bahawa keberkatan akan hilang pada harta yang diperolehi melalui jalan riba, firman Allah SWT:

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرِي الصَّدَقَتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾

Maksudnya: “Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Dia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu melakukan dosa”. (Surah Al-Baqarah, ayat 276)

Itulah antara sebab Islam melarang riba kepada umatnya yang beriman.

JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Kesimpulan yang dapat dititipkan daripada isi khutbah hari ini, ialah:

1. Makan, minum dan carilah rezeki yang halal, kerana doa tidak dimakbulkan Allah SWT dari sumber yang haram, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “Ada seorang yang kusut masai, berdebu dan sentiasa mengembara dalam berbagai perjalanan, keadaan makanannya adalah haram, pakaiannya adalah haram, dibesarkan dengan kekayaan dari yang haram. Lalu dia mengangkat kedua tangannya sambil mengucapkan (berdoa): “Ya Tuhanku, ya Tuhanku”. Maka bagaimana orang yang sedemikian itu akan dapat dimakbulkan permohonan (doanya)”. (HR Imam Muslim)
2. Memperguna harta yang tidak halal akan diazab api neraka di akhirat, Sabda Nabi SAW lagi yang bermaksud: “Sesungguhnya orang yang mengelolakan (menguruskan) harta Allah dengan cara tidak benar, maka bagi mereka api neraka pada hari kiamat”. (HR Imam Al-Bukhari)
3. Berwaspadalah dengan umat akhir zaman yang tidak peduli halal haram yang dimakan dan dicari sebagai sumber kehidupan, Nabi SAW mengingatkan umat Islam dalam sabdanya yang bermaksud: “Akan datang satu zaman ke atas umat manusia di mana orang tidak lagi peduli apakah harta yang diperolehinya halal atau haram”. (HR Imam Al-Bukhari)
4. Orang yang paling menyesal di akhirat nanti. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: “Orang yang paling dirundung penyesalan pada hari kiamat ialah orang yang memperolehi harta dari sumber yang tidak halal lalu menyebabkannya masuk neraka”. (HR Imam Al-Bukhari)

5. Pilihlah restoran yang mempunyai logo halal yang diiktiraf kerajaan atau restoran yang benar-benar diusahakan oleh umat Islam sendiri yang patuh syariah.
6. Umat Islam jangan sekali-kali terpengaruh oleh restoran atau pengusaha bukan Islam yang menggunakan slogan menarik seperti 'serve no pork', pekerja muslim bertudung di restoran bukan muslim dan lain-lain iklan mengelirukan

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Demikianlah, Islam menjaga maslahat umat manusia dan umat Islam yang beriman dalam perkara halal haram makan minum, sumber rezeki dan kehidupan. Patuhilah perintah Allah SWT dan Rasul-Nya, amalkan dan ikutlah ajaran dan Syariat Islam dalam kehidupan ini, pasti bertambah-tambahlah kebaikan dan keberkatan yang akan dikurniakan oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Maksudnya: "Dan (Tuhan berfirman lagi): "Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami (Allah) akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi...". (Surah Al-A'raaf, ayat 96)

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.